

21/06/1998

Asia dan kebangkitan kapitalis baru

Saipul Anwar Daud Hasan

PETA politik dunia nampaknya mula berpindah dari Asia Barat/Timur Tengah, Eropah Timur ke rantau Asia, khususnya Asia Tenggara. Sesungguhnya pada tahun 90-an, beberapa pakar futurelogi (ilmu mengenai masa depan) seperti Alvin Toffler, sudah meramalkan beberapa gejala menjelang akhir abad 20 dan awal abad 21.

Mereka mengatakan akan terjadi apa yang disebut 'clash of civilizations' atau pertentangan budaya, bahkan lebih jauh lagi pertentangan agama.

Fenomena itu menimbulkan kebimbangan sebahagian manusia dan menggoyangkan perdamaian dunia. Kini, ramalan itu mulai terbukti secara perlahan-lahan.

Menjelang penutupan abad ke-20 ini, ekonomi Asia mengalami pasang surut yang tidak dapat dijangkakan.

Bermula dari negara di Asia Tenggara, kesan kegawatan ekonomi itu turut merebak ke Jepun. Tiada siapa pun boleh memastikan bila krisis itu akan berakhir.

Secara imani, apabila dilihat dari perspektif agama, kegawatan ekonomi boleh dikatakan musibah dan sekali gus ujian bagi hamba yang beriman.

Justeru, bagi menyelesaikannya juga maka satu-satunya jalan ialah lebih mendekatkan diri kepada Allah dan meletakkan kembali sistem mencapai kemajuan di atas landasan Islam.

Dari perspektif politik pula, salah satu faktor penyebab kegawatan ekonomi ialah campur tangan pihak luar terhadap perekonomian Asia, khususnya Asia Tenggara.

Tidak dinafikan, pada saat ini kawasan Asia menjadi tumpuan Barat. Ada beberapa alasan mengapa peralihan itu berlaku.

Pertama, menurunnya tingkat ketegangan suhu politik di Timur Tengah. Sejak tahun 60-an, perhatian negara Barat lebih kepada kawasan Timur Tengah.

Hal itu disebabkan kawasan itu menjadi asas majoriti umat Islam. Justeru, pihak Barat khuatir akan kebangkitan Islam yang mampu menyaingi, bahkan mengalahkan mereka sebagai kuasa besar dunia.

Iran, Iraq, Arab Saudi dan Libya adalah negara Arab yang paling lantang mengecam campur tangan Amerika Syarikat.

Sebelum Pakistan mempunyai senjata nuklear, Iraq sebenarnya sudah lama memilikinya, tetapi Amerika Syarikat dan Barat, berjaya melumpuhkan Iraq dan memiskinkan negara itu.

Iran dan Libya pula menerima sekatan udara dan diasingkan daripada pentas politik antarabangsa.

Pihak Barat juga berjaya memecahbelahkan kesatuan negara Arab sehingga tidak mampu lagi menjadi kuasa besar dunia. Secara perlahan-lahan ancaman Timur Tengah mula menurun dan tidak menimbulkan kebimbangan Barat.

Namun, ancaman baru muncul di kawasan Asia, khususnya Asia Tenggara. Kemajuan ekonomi di rantau ini dilihat sebagai satu ancaman yang boleh menggugat kuasa Barat. Apa lagi, Malaysia dan Indonesia - dua negara menjadi tempat majoriti umat Islam apabila disatukan, mengalahkan jumlah umat Islam di Timur Tengah.

Malaysia dan Indonesia diramal menjadi salah satu kuasa ekonomi di Asia dan muncul negara industri baru.

Justeru, kemajuan yang dicapai Asia Tenggara, khususnya Malaysia dan Indonesia, menjadi ancaman baru terhadap negara Barat. Pertumbuhan ekonomi di atas tujuh peratus, jumlah umat Islam yang besar dan penguasaan

teknologi inilah menyulut kebencian Barat.

Malaysia pula dilihat sebagai negara menyuarkan aspirasi negara Dunia Ketiga/negara miskin.

Dr Mahathir dijulung sebagai pemimpin negara Dunia Ketiga kerana kelantangan beliau melawan keegoan Barat. Malah, Dr Mahathir mengaitkan kegawatan ekonomi sekarang dengan angkara kapitalis baru di dunia Barat.

Fungsi Malaysia dalam Pertubuhan Negara Islam (OIC) juga sangat kuat dan berupaya menyatukan kekuatan Islam. Hal ini semakin membimbangkan Barat. Maka usaha perlu dilakukan supaya kebangkitan Islam di Asia Tenggara tidak berkembang cepat.

Namun, Barat sangat memahami kelebihan dan kelemahan Asia Tenggara. Asean, misalnya, menjadi penyatu kawasan Asia Tenggara dan untuk memecahbelahkan persatuan itu pula sangat sukar.

Usaha pernah dilakukan seperti menghasut peperangan di antara Malaysia dan Indonesia dalam peristiwa 'Ganyang Malaysia', membuka konsulat Israel di Singapura dan meletakkan armada tentera Amerika di sebuah pelabuhan Filipina, tetapi sejauh ini tidak berjaya melumpuhkan kekuatan Asean.

Salah satu faktor kegagalan itu ialah kerana sifat semula jadi orang Melanesia yang saling menghormati, bergotongroyong dan mesra dalam semua perkara.

Justeru, untuk melemahkan Asean, salah satu instrumen yang digunakan ialah dengan politik memecahbelah, seperti dilakukan di Timur Tengah dan melalui jalur ekonomilah dilakukan pelbagai cara untuk menghancurkan kekuatan negara di Asia Tenggara.

Dengan menimbulkan masalah kegawatan ekonomi, setiap negara di Asean terpaksa berusaha membereskan masalah negara masing-masing dan tidak mepedulikan persatuan serantau itu.

Kegawatan ekonomi juga dapat menimbulkan perasaan curiga dan saling menyalahkan sesama negara anggota Asean kerana kurang cekap mengawal dasar mata wang. Itulah yang dikehendaki Barat.

Kapitalis baru menggunakan pasaran wang sebagai alat melumpuhkan ekonomi Asean, akibatnya rantau ini kini mengalami proses perang ekonomi. Nampaknya, usaha itu sedikit demi sedikit mula berjaya.

Indonesia paling teruk menerima kesan kegawatan ekonomi sehingga menggoyangkan kestabilan politiknya dan menyaksikan peletakan jawatan Suharto sebagai presiden kerana ketidakmampuan mengatasi kemelut ekonomi negaranya.

Hal itu sudah lama dikehendaki Barat. Beberapa akhbar Amerika Syarikat pernah menyiarkan laporan mengenai pembabitan pertubuhan Amerika Syarikat memberi bantuan kewangan kepada beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Indonesia untuk melakukan demonstrasi dalam usaha menggulingkan Suharto.

Meskipun berita itu dinafikan Kedutaan Amerika Syarikat, yang nyata Suharto sudah digulingkan dan ini dianggap satu kemenangan bagi Barat.

Namun, krisis politik di Indonesia masih belum berakhir. Pengganti Suharto, B J Habibie pula menerima pelbagai tekanan. Malah, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) juga masih melengah-lengahkan bantuan yang dijanjikan sebelum ini. Mungkinkah itu juga mempunyai kaitan dengan kebimbangan Barat terhadap Islam?

Apa lagi Habibie adalah tokoh Islam dan pemimpin lkatan Cendikiawan Muslim Indonesia (QCMI).

Bagi Malaysia, sehingga saat ini negara masih mampu bertahan daripada mengharap bantuan pihak asing, terutama IMF, dalam menangani kegawatan ekonomi. Namun, kesabaran dan kesungguhan kita benar-benar teruji dengan tindakan pihak Barat yang berselubung dalam selimut kapitalis baru.

Kemungkinan kegawatan ekonomi akan menjejaskan kestabilan politik Malaysia, juga boleh berlaku.

Malah, beberapa cubaan sudah dilakukan untuk memecahbelahkan kepemimpinan negara. Hal ini membuktikan campur tangan Barat dalam krisis ekonomi sekarang.

Namun, kegawatan ekonomi yang melanda nampaknya tidak menurunkan semangat Islam di Asia Tenggara. Musibah yang menimpa Malaysia dan Indonesia sebaliknya menguji kesabaran dan mendorong kita lebih mendekatkan diri kepada Allah.

Kegawatan bukan bermakna melumpuhkan seluruh kekuatan ekonomi yang telah dibina selama ini, tetapi sebagai satu pengajaran untuk kita lebih hati-hati terhadap perdagangan globalisasi dengan Barat.

Mudah-mudahan abad 21 nanti adalah kebangkitan Islam di Asia sebagai pemimpin baru negara Islam lain bagi melawan kejahatan kapitalis baru.

(END)